



**KUPASAN MUTU JAWAPAN**

**SEJARAH 2**

**1249/2**

**S P M**

**TAHUN 2012**



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

**KUPASAN MUTU JAWAPAN  
SEJARAH 1249/2  
SPM 2012**

**PRESTASI KESELURUHAN**

Secara keseluruhan prestasi calon pada tahun ini pada tahap sederhana. Kematangan calon dalam menyampaikan idea masih di peringkat sederhana. Bahasa yang digunakan mudah difahami. Hanya segelintir calon sahaja yang mampu menyampaikan idea dengan matang. Terdapat juga segelintir calon yang gagal menunjukkan kemahiran membaca dan menulis yang menyebabkan mereka gagal menjawab tugas dengan tepat.

**PRESTASI CALON MENGIKUT KUMPULAN CALON**

**Kumpulan Tinggi**

Calon menjawab dan memahami kehendak tugas dengan baik. Penguasaan fakta cukup cemerlang di samping berjaya menyenaraikan fakta yang tepat melebihi daripada kehendak soalan.

Calon dapat memahami dan memenuhi kehendak tugas dengan mengemukakan fakta yang relevan dan sesuai. Setiap fakta dilengkapi dengan huraian dan contoh yang tepat. Calon berjaya memilih soalan esei yang benar-benar sesuai dengan pemahaman, pengetahuan, dan keupayaan masing-masing. Mereka telah menguasai keseluruhan isi kandungan pelajaran kerana dapat mengemukakan fakta berserta huraian yang tepat dan baik bagi setiap satu soalan esei.

Calon juga menguasai konsep sejarah yang diuji. Mereka juga dapat menggunakan pengetahuan dan pemikiran sejarah dengan baik. Calon dapat mengaitkan pengalaman kehidupan dalam konteks sejarah sekaligus dapat menjawab soalan Kemahiran Berfikir

Kritis dan Kreatif (KBKK) dengan baik dan memperlihatkan kematangan fikiran dan pengetahuan yang luas. Tiada kesalahan ejaan terhadap istilah sejarah yang dikemukakan. Calon menggunakan ayat yang lengkap untuk mempersembahkan fakta. Jawapan calon tepat, padat dan pendek serta tersusun. Calon juga menggunakan perenggan yang baik iaitu satu isi satu perenggan. Persembahan isi adalah mantap dengan menggunakan gaya bahasa yang kemas dan lancar.

### **Kumpulan Sederhana**

Calon dalam kumpulan ini mampu memahami sebahagian daripada kehendak tugas dengan tepat dan baik. Jawapan calon masih tepat tetapi huraian yang panjang dan kurang relevan. Calon dalam kumpulan ini masih menguasai sebahagian daripada isi kandungan pelajaran. Mereka berjaya mengemukakan sebahagian fakta bagi setiap satu pecahan soalan esei.

Walaupun calon boleh menulis dengan baik, namun masih gagal mengemukakan jawapan sepenuhnya. Hal ini disebabkan oleh beberapa istilah sejarah yang dikemukakan kurang tepat. Setiap fakta yang diberi pada tahap memuaskan. Walau bagaimanapun bilangan fakta tidak mencukupi. Kadang kala terdapat fakta yang bercampur aduk dan tidak tepat dengan kehendak soalan. Calon dilihat keliru dengan kehendak soalan.

Terdapat juga pengulangan fakta dalam perenggan yang berasingan. Calon juga kurang cekap mengaitkan pengalaman hidup dalam konteks sejarah apabila menjawab soalan KBKK kerana pengetahuan am calon tidak meluas. Oleh itu, calon memperlihatkan kematangan berfikir pada tahap sederhana kerana walaupun mempunyai fakta tetapi huraian fakta kurang jelas dan banyak ayat yang dibina agak umum. Sungguh pun begitu, jawapan calon ditulis menggunakan perenggan yang baik iaitu satu isi satu perenggan.

## **Kumpulan Rendah**

Calon dalam kumpulan ini tidak dapat memahami kehendak tugas dengan tepat. Mutu jawapan calon tidak memuaskan. Calon gagal megemukakan fakta yang relevan. Jawapan calon sangat umum dan tiada fakta serta kurang relevan dengan fakta sejarah. Penguasaan fakta calon dalam kumpulan ini sangat terhad dan lemah.

Kelemahan lain ialah calon menyalin soalan bukannya menjawab soalan, mengulangi fakta yang sama dan menjawab satu atau dua pecahan soalan bagi soalan struktur atau satu pecahan soalan bagi soalan esei. Calon juga gagal mengetahui dan memahami bentuk dan format penulisan bagi soalan esei. Calon menulis jawapan dalam bentuk poin apabila menjawab soalan esei.


Di samping itu, calon kurang mempunyai pengetahuan tentang isu yang disoal terutamanya untuk soalan KBKK. Calon gagal menunjukkan kematangan berfikir yang menyebabkan jawapan calon tidak memenuhi kehendak tugas. Segelintir calon dalam kumpulan ini masih mampu menjawab soalan bersifat KBKK.

Penguasaan dan gaya bahasa calon amat lemah. Terdapat calon yang tidak mampu mengeja dengan tepat seperti istilah sejarah, nama tokoh dan nama tempat. Sebilangan kecil calon tidak menguasai kemahiran asas membaca dan menulis. Jawapan yang dikemukakan oleh calon memperlihatkan calon ini tidak bersedia untuk menghadapi peperiksaan.


## PRESTASI TERPERINCI

### Soalan 1

- 1 Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan dua buah monumen penting di Asia Tenggara.



Gambar 1



Gambar 2

- (a) Nyatakan maksud monumen.

Tugasan meminta calon menyatakan maksud monumen.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan dengan tepat maksud monumen.

- (i) bangunan atau binaan.....  
(ii) dibuat daripada batuan.....  
(iii) seperti kuil dan candi

Calon dapat mengemukakan maksud monumen dengan tepat seperti binaan yang diperbuat daripada batu, seperti bentuk kuil dan candi.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu menyatakan sebahagian sahaja daripada kehendak tugasan.

(i) Peninggalan bangunan sejarah.

(ii) ~~Batu~~ ~~batu~~ ~~batu~~

Calon hanya berjaya memberi satu fakta sahaja.

Calon berprestasi rendah tidak dapat memahami kehendak tugas dan memberikan jawapan yang tersasar.

(i) Selava mutlak

(ii)

Calon memberi jawapan yang tidak relevan

(b) Namakan monumen yang terdapat dalam gambar di atas.

Tugas meminta calon menamakan monumen yang dikemukakan dalam gambar.

Calon berprestasi tinggi dapat menamakan dengan tepat.

(i) Angkor Wat

(ii) Borobudur

Calon berjaya menamakan monumen dengan tepat iaitu Angkor Wat dan Borobudur.

(i) Mahenja - Darva      Angkor wat

(ii) Harappa      ~~Bonnorona~~ Bohsnomun



- (i) ..... Untuk menyediakan tempat beribadat .....
- (ii) ..... kekayaan sistem pemerintahan .....
- (iii) ..... Untuk menyimpan abu ~~jenaya~~ jenazah diraja  
melambungkan keagamaan .....

Calon mengemukakan jawapan yang bercampuraduk sebab kerajaan membina monumen dengan fungsi monumen.

Calon berprestasi rendah tidak dapat memahami kehendak tugas.

- (i) ..... Kedudukan yang strategik .....
- (ii) ..... Mempunyai pelabuhan ~~entah~~ entrepot .....
- (iii) ..... Terlindung daripada angin monsun .....

Calon mengemukakan jawapan yang tidak berkaitan.

(d) Cadangkan **tiga** langkah berkesan untuk memelihara sesebuah monumen.

Tugas meminta calon mencadangkan langkah untuk memelihara sesuatu monumen.

Calon berprestasi tinggi dapat memberikan pelbagai cadangan untuk tujuan memelihara monumen.

- (i) Menguasai ilmu matematik.
- (ii) Menguasai ilmu pembinaan.
- (iii) Bersikap kreatif dan inovatif.  
Gigih berusaha.

Calon berjaya mengemukakan langkah yang tepat seperti menguasai ilmu matematik, ilmu pembinaan, kreatif dan inovatif.

Calon berprestasi sederhana dapat memberikan sebahagian daripada kehendak tugas.

- (i) ~~Menghalang~~ meng~~et~~akkan kawalan monumen.
- (ii) Mengelakkan pembinaan bangunan baru berhampiran monumen.
- (iii) Monumen penting di Asia Tenggara

Calon memberi tiga jawapan tetapi hanya dua menepati kehendak tugas.

Calon berprestasi rendah tidak memberikan cadangan yang sewajarnya.

- (i) Confucianisme
- (ii) Taoisme
- (iii) Lagelisme

Calon mengemukakan jawapan yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan.

## Soalan 2

2 Penyebaran Islam oleh Nabi Muhammad SAW telah menimbulkan reaksi menerima dan menentang daripada masyarakat Arab.

(a) Bagaimanakah Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam?

Tugasan meminta cara Nabi Muhammad S.A.W. menyebarkan Islam di Kota Makkah.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan cara penyebaran Islam di Kota Makkah.

- (i) menyebarkan Islam secara berperingkat - peringkat
- (ii) menyebarkan Islam secara sembunyi
- iii - menyebarkan Islam secara terang-terangan
- iv - menyebarkan Islam kepada ahli keluarga

Calon berjaya mengemukakan isi yang tepat melebihi kehendak tugas iaitu secara berperingkat, secara sembunyi, secara terang-terangan dan kepada ahli keluarga.

Calon berprestasi sederhana dapat menyatakan sebahagian daripada kehendak tugas.

- (i) Menghantar utusan-utusan ke Parsi, Rom Timur.
- (ii) berhijrah ke Madinah.
- (iii) menunjukkan nilai-nilai yang baik semasa menyebarkan Islam.

Calon mengemukakan tiga jawapan tetapi hanya satu iaitu menunjukkan nilai baik semasa menyebarkan Islam.

Calon berprestasi rendah tidak memahami kehendak tugas.

- (i) Menyebarkan secara risalah
- (ii) Menyebarkan secara akhbar.
- (iii) Menyebarkan secara bertulis

Jawapan yang diberikan oleh calon tidak berkaitan dengan kehendak soalan.

SOALAN 2b.

(b) Mengapakah sebahagian masyarakat Arab menentang penyebaran Islam?

Tugasan meminta calon menyatakan sebab masyarakat Arab menentang penyebaran Islam.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan sebab penentangan terhadap penyebaran Islam.

- (i) tidak menyukai prinsip sama taraf dalam Islam
- (ii) menggugat sumber ekonomi mereka iaitu patung berhala
- (iii) bertentangan dengan agama mereka

Kesemua jawapan yang dikemukakan oleh calon tepat dan memenuhi kehendak soalan.

Calon berprestasi sederhana dapat menyatakan sebahagian daripada sebab yang dikehendaki.

- (i) Mendakwa Islam agama yang sia-sia.
- (ii) Tidak bersetuju dengan nabi Muhammad SAW

Sebahagian sahaja jawapan yang dikemukakan oleh calon menepati tugas soal.

Calon berprestasi rendah memberikan jawapan yang tersasar daripada kehendak tugas.

- (i) Masyarakat Arab takut kaumnya terbinasakan .....
- (ii) Masyarakat Arab tidak mahu rakyat mereka berkurangsaat .....

Calon mengemukakan jawapan namun kesemua jawapannya tidak relevan.

2c.

- (c) Bagaimanakah masyarakat Arab menentang penyebaran Islam oleh Nabi Muhammad SAW?

Tugas meminta calon menyatakan cara-cara masyarakat Arab menentang penyebaran Islam di Kota Makkah.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan cara penentangan.

- (i) Memukul dan mencaci keluarga Nabi Muhammed .....
- (ii) Mengganggu Nabi Muhammed beribadat .....
- iii - menawarkan pangkat harta dan wanita
- iv - merancang untuk membunuh Nabi Muhammed.

Jawapan calon tepat seperti mencaci Nabi, mengganggu Nabi beribadat, menawarkan pangkat, harta, wanita kepada Nabi dan merancang pakatan untuk membunuh Nabi.

Calon berprestasi sederhana dapat memberikan sebahagian daripada fakta yang dikehendaki oleh tugas.

- (i) melalui Perang .....
- (ii) Meugut .....

Dua jawapan diberi oleh calon namun hanya satu sahaja yang tepat.

Calon berprestasi rendah memberikan jawapan yang terpesong daripada kehendak tugas.

- (i) Masyarakat Arab tidak bersatu hati dengan Nabi Muhammad s.a.w.
- (ii) Mereka menolak penyebaran Islam.

Jawapan yang dikemukakan oleh calon terpesong dan tidak berkaitan dengan tugas.

SOALAN 2d.

(d) Mengapakah Islam akhirnya diterima oleh masyarakat Arab?

Tugas meminta sebab-sebab penyebaran Islam diterima oleh masyarakat Arab. Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan sebab masyarakat Arab menerima Islam.

- (i) Mereka menyedari akan kepalsuan perjuangan mereka <sup>selama ini</sup>
- (ii) Nabi Muhammad <sup>5-q-y</sup> tidak memaksa mereka tetapi mengajab mereka untuk berfikir tentang kebenaran Islam.

Calon berjaya memberi sebab masyarakat Arab menerima Islam seperti kepalsuan perjuangan mereka, tiada unsur paksaan dan kebenaran Islam.

Calon berprestasi sederhana dapat memberikan sebahagian daripada kehendak tugas.

- (i) Masyarakat Arab memahami undang-undang Islam dengan jelas.
- (ii) Masyarakat Arab boleh mengikuti syarat-syarat dan peraturan Islam secara terbuka.

Calon tidak mendapat markah maksimum kerana mengemukakan fakta yang berulang. Calon berprestasi rendah gagal memahami kehendak soalan.

(i) Pembukaan semula kota makkah

(ii) Pengislaman daripada orang Arab medinah

Jawapan calon tiada kaitan dengan tugas.

SOALAN 2e.

(e) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam dalam kalangan masyarakat Arab.

Tugas meminta calon menyatakan iktibar yang diperolehi daripada kejayaan Nabi menyebarkan Islam.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan iktibar sebagaimana yang dikehendaki oleh tugas.

(i) Mempunyai strategi yang bertepatan

(ii) Mempunyai semangat juang yang tinggi

- Tidak mudah berputus asa

- sanggup bertorban

- sokongan daripada para sahabat

- kebijaksanaan yang melakukan strategi

Calon berjaya mengemukakan jawapan yang tepat dan melebihi kehendak tugas.

Calon berprestasi sederhana dapat menyatakan sebahagian daripada kehendak tugas.

(e) Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan Nabi Muhammad SAW menyebarkan Islam dalam kalangan masyarakat Arab.

(i) Tidak mudah berputus asa untuk melakukan sesuatu perkara

(ii) .....

Calon hanya mampu mengemukakan satu jawapan yang tepat sahaja.  
Calon berprestasi rendah tidak dapat memberikan idea yang munasabah.

- (i) Kejayaan Nabi Muhammad telah berjaya iktibar oleh kepada umat-umatnya
- (ii) dan Nabi Muhammad pun berjaya menyebarkan Islam kepada umat-umatnya

Kesemua jawapan calon tidak munasabah.

### Soalan

3 Nasionalisme merujuk kepada perasaan cinta akan bangsa dan negara yang membawa kepada gerakan membebaskan tanah air.

(a) Beri **dua** faktor kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara.

Tugasan meminta calon menyatakan faktor-faktor kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara.

- (i) Peranan agama
- (ii) Go kemunculan golongan intelektual
- (iii) karya kesusasteraan.
- (iv) kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan faktor-faktor kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara dengan tepat. Calon berjaya mengemukakan empat fakta dengan tepat dan lebih daripada kehendak soalan seperti pengaruh agama, kemunculan golongan intelek, karya kesusasteraan, dan kemajuan sistem pengangkutan dan perhubungan.

- (i) semangat menentang penjajah yang menaikiuk Asia Tenggara.
- (ii) memajukan ekonomi, politik, sosial dan pendidikan.

Calon berprestasi sederhana hanya dapat memberikan sebahagian daripada faktor-faktor kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara. Calon mengemukakan dua isi tetapi hanya satu isi sahaja yang menepati tugas iaitu penentangan terhadap penjajah.

- (i) supaya dapat mengefektifkan negara dirampau oleh penjuak
- (ii) .....

Calon berprestasi rendah tidak dapat menyatakan faktor kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara. Isi yang diberikan oleh calon tidak menepati tugas soal.

3b.

- (b) Jelaskan perbezaan antara gerakan nasionalisme tahap pertama dengan gerakan nasionalisme tahap kedua di Asia Tenggara.

Tugas meminta calon membezakan nasionalisme tahap pertama dengan nasionalisme tahap kedua di Asia Tenggara.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan perbezaan tersebut.

- (i) ~~Beda tahap pertama berifat setempat, tahap kedua~~  
~~Beda tahap pertama hanya menuntut taraf hidup penduduk~~
- (ii) Tahap pertama tidak berorganisasi, tahap kedua berorganisasi
- (iii) Tahap pertama menuntut agar taraf hidup penduduk tempatan ditingkatkan, tahap kedua menuntut kemerdekaan
- (iv) Tahap pertama dipimpin oleh pembekir tempatan  
 Tahap kedua dipimpin oleh golongan intelektual

Calon berjaya membuat perbezaan antara tahap pertama dan tahap kedua contohnya tahap pertama tidak berorganisasi sementara tahap kedua berorganisasi.

Calon berprestasi sederhana tidak berjaya menunjukkan perbezaan tersebut dengan jelas.

- (i) Gerakan tahap kedua bersifat radikal.
- (ii) Mereka menuntut kemerdekaan daripada penjajah.
- (iii) Gerakan tahap pertama bersifat sederhana.
- (iv) Mereka menentang kerana pemerintah mereka kehilangan kuasa.

Calon hanya dapat mengemukakan satu tahap sahaja dan terdapat juga jawapan calon yang bersikap umum tanpa menyatakan mana-mana tahap.

Calon berprestasi rendah menyatakan isi yang tidak tepat.

- (i) Tahap pertama dikuasai oleh pemimpin tempatan.
- (ii) Tahap kedua dikuasai oleh penjajah Barat.
- (iii) Tahap pertama melibatkan pengaduan kaum -
- (iv) Tahap <sup>kedua</sup> per tidak melibatkan pengaduan kaum.

Kesemua jawapan yang diberikan tidak relevan.

3c.

- (c) Nyatakan **dua** ciri rakyat Malaysia yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

Tugasan meminta calon menyatakan ciri-ciri rakyat Malaysia yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

- (i) sentiasa berusaha memajukan diri dan negara.
- (ii) menolak pengaruh luar yang mengancam kenegaraan negara.
- (iii) sanggup mempertahankan negara.
- (iv) mempunyai baki diri yang tinggi sebagai rakyat Malaysia.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan ciri-ciri rakyat Malaysia yang mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi.

Calon dapat menyatakan dengan tepat ciri-ciri rakyat Malaysia seperti yang dikehendaki oleh tugas contohnya sentiasa berusaha memajukan diri dan negara, menolak pengaruh luar, sanggup mempertahankan negara dan mempunyai jati diri yang kukuh. Calon juga berjaya memberi fakta melebihi daripada kehendak tugas.

- (i) ..... *Cinta akan negara.* .....
- (ii) ..... *Berilmu yang ekonomi dengan Malaysia BOLEH.* .....

Calon berprestasi sederhana hanya dapat memberikan sebahagian daripada ciri-ciri tersebut. Calon memberi dua jawapan tetapi hanya satu fakta sahaja yang boleh diterima seperti cinta akan negara.

- (i) ..... *Semangat Nasionalisme yang ~~tinggi~~ tinggi.* .....
- (ii) ..... *Siswa yang ~~juana~~ juana.* .....

Calon berprestasi rendah menyeleweng daripada kehendak tugas. Calon hanya menyalin semula soalan dan terdapat jawapan yang tidak munasabah.

SOALAN 3d.

- (d) Jelaskan kesan sekiranya rakyat Malaysia tidak memiliki semangat nasionalisme yang tinggi.

Tugas meminta calon meramalkan kesan yang akan berlaku di Malaysia sekiranya rakyat tidak mempunyai semangat nasionalisme.

- (i) Negara Malaysia tidak menjamin keselamatannya kerana musuh-musuh berani untuk memulakan kekacauan.
- (ii) Negara Malaysia tidak dapat meningkatkan kemajuan dari segi ekonomi kerana rakyatnya tidak mempunyai semangat untuk memajukan negara.
- (iii) Negara Malaysia dipandang rendah oleh negara-negara lain dunia kerana rakyatnya tidak menunjukkan rasa bangga dengan negara sendiri.

Calon berprestasi tinggi dapat meramal kesan negatif yang akan terjadi. Calon pada peringkat ini berjaya mengemukakan fakta yang tepat dan jelas.

- (i) menjadikan rakyat tidak aman dan harmoni.
- (ii) menjadikan negara tidak ada bersungguh-sungguh kepada rakyat Malaysia.

Calon berprestasi sederhana hanya dapat memberikan sebahagian daripada kehendak tugas. Calon hanya mengemukakan satu isi yang tepat sementara jawapan lain tidak menepati dengan kehendak tugas.

- (i) Nasionalisme ~~men~~ merujuk kepada perasaan cinta akan bangsa
- (ii) negara yang membawa kepada gerakan membebaskan tanah air.

Calon berprestasi rendah gagal menyatakan kesan negatif yang akan berlaku. Kedua-dua jawapan calon tidak relevan.

#### Soalan 4

4 Malaysia merupakan sebuah negara Persekutuan yang mengamalkan konsep pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

(a) Jelaskan konsep persekutuan.

Tugasan memerlukan calon memberikan maksud konsep persekutuan.

- (i) ..... membincangkan hal-hal negeri .....
- (ii) ..... Gabungan antara negeri-negeri kecil. ....
- iii) Pentadbiran dibawah satu pusat.

Calon berprestasi tinggi dapat memberikan maksud tersebut dengan jelas dan bermakna. Jawapan calon menerangkan dengan tepat konsep persekutuan seperti gabungan antara negeri-negeri kecil dan pentadbiran di bawah satu pusat.

- (i) ~~Konsep persekutuan mengamalkan pembagian kuasa~~ .....  
Konsep persekutuan mengamalkan demokrasi
- (ii) ~~Konsep persekutuan mengamalkan pembagian kuasa~~ .....  
Konsep persekutuan mengamalkan demokrasi

Calon berprestasi sederhana dapat memberikan sebahagian daripada maksud persekutuan. Calon memberi dua jawapan tetapi fakta yang berulang.

- (i) Persekutuan ialah wilayah sesuatu negara.
- (ii) Persekutuan ialah bersekutu untuk melaksanakan tugas.

Calon berprestasi rendah gagal memberikan maksud dengan tepat. Calon memberi jawapan yang tidak munasabah.

(b) Senaraikan bidang kuasa:

(i) Kerajaan Persekutuan

4.b. i)

Tugasan meminta calon menyatakan bidang tugas Kerajaan Persekutuan.

(a) *perundangan*

(b) *urusan kerajaan*

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan bidang tugas dengan tepat dan jelas. Calon mengemukakan jawapan ringkas tetapi menepati tugasan.

(a) *Mentadbir hal ehwal negara.*

(b) *Memastikan Kerajaan Negeri menjalankan tugas dengan baik dan betul.*

Calon berprestasi sederhana hanya dapat menyatakan sebahagian daripada bidang tugas. Hanya satu jawapan calon yang boleh diterima iaitu mentadbir hal ehwal negara.

(a) *Bidang pengurusan perlembagaan.*

(b) *Bidang penadbiran persekutuan.*

Calon berprestasi rendah gagal menyatakan bidang tugas. Kesemua jawapan yang diberikan oleh calon tidak relevan.

SOALAN 4b.

(ii) Kerajaan Negeri

Tugasan meminta calon menyatakan bidang tugas Kerajaan Negeri.

(a) Tanah

(b) Cuti kerajaan negeri

Calon berprestasi tinggi dapat bidang tugas dengan tepat dan jelas. Calon mengemukakan jawapan yang ringkas tetapi tepat.

(a) mengurus pentadbiran hal-hal dalam negeri

(b) melantik & exco-exco negeri

Calon berprestasi sederhana hanya dapat menyatakan sebahagian daripada bidang tugas. Hanya satu jawapan yang diberikan oleh calon menepati bidang kuasa kerajaan Negeri sementara satu jawapan lain menunjukkan bidang kuasa sultan atau Yang Dipertua Negeri iaitu melantik exco-exco negeri.

(a) Bidang pentadbiran Negara

(b) Bidang pengurusan Hal Ehwal Pendidikan Negara

Calon berprestasi rendah gagal menyatakan bidang tugas. Calon mengemukakan jawapan secara umum yang tidak berkaitan dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri.

4c.

(c) Mengapakah pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dilakukan?

Tugasan meminta sebab pengagihan kuasa dilakukan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

- (i) ...supaya dapat mengatur organisasi kerajaan dengan berkesan.
- (ii) ...supaya peranan dan tanggungjawab diagihkan.

Calon berprestasi tinggi dapat memberikan jawapan dengan tepat. Calon dapat menyatakan dengan jelas dan tepat sebab pengagihan kuasa dilakukan.

- (i) Memastikan Negeri dapat ditadbir berdasarkan <sup>negara</sup> penduduk.
- (ii) Menghalang Kerajaan Persekutuan daripada berkuasa penuh <sup>ter</sup> dalam pentadbiran.

Calon berprestasi sederhana dapat memberikan sebahagian daripada kehendak tugas. Hanya satu jawapan calon yang jelas dan tepat dengan kehendak soalan iaitu menghalang Kerajaan Persekutuan daripada berkuasa penuh dalam pentadbiran.

- (i) untuk <sup>memfokuskan</sup> ~~menentukan~~ terhadap bidang kuasa yang sudah ditetapkan.
- (ii) untuk <sup>meningkatkan</sup> ~~meningkatkan~~ yang sama diantara kedua-dua ~~negara~~ <sup>negara</sup>.
- (iii) memudahkan ~~perantaraan~~ <sup>perantaraan</sup> daripada kedua-dua kerajaan.

Calon berprestasi rendah memberi jawapan tidak menepati kehendak tugas. Calon mengemukakan isi yang terlalu umum dan tidak menyatakan sebab dengan tepat pengagihan kuasa dilakukan.

4d.

- (d) Sebagai warganegara yang patriotik, jelaskan peranan anda untuk mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara Persekutuan.

Tugas meminta calon mengemukakan peranan warganegara yang patriotik untuk mengekalkan Malaysia sebagai sebuah negara Persekutuan.

(i) Menypuong amalan demokrasi

(ii) menghormati undang undang yang telah ditetapkan.

Calon berprestasi tinggi dapat memberikan jawapan dengan tepat.

Calon berjaya menjelaskan peranan warganegara yang patriotik dengan tepat.

(i) bertanggungjawab terhadap negara saya

(ii) cinta akan rakyat saya

Calon berprestasi sederhana dapat memberikan sebahagian daripada kehendak tugas. Hanya satu sahaja jawapan calon diterima yang menepati kehendak tugas.

(i) Pada pendapat saya rakyat Malaysia harus mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi untuk memajukan negara

(ii) Malaysia sebuah negara yang mengamalkan pemerintahan kuasa yang mutlak dan adil

Calon berprestasi rendah mengemukakan jawapan yang tidak berkaitan dengan tugas. Jawapan yang diberikan oleh calon tidak mempunyai kaitan dan tidak menggambarkan peranannya seperti kehendak soalan.

## 5 Tamadun Islam telah bertembung dengan tamadun lain di dunia.

(a) Terangkan cara pertembungan tamadun tersebut.

Tugasan meminta calon menerangkan cara berlakunya pertembungan tamadun Islam dengan tamadun-tamadun lain di dunia.

5. a) Cara pertembungan Islam dengan tamadun lain adalah melalui perdagangan. Nabi Muhammad s.a.w. bergadik berdagang ke negeri Syam dan menyebarkan dakwah Islam. Pedagang Islam juga membina penempatan di Canton, China dan menyebarkan dakwah Islam Islam juga per pertembung dengan tamadun lain melalui penaklukan. Islam menakluk Iraq dan Iran <sup>menyebabkan</sup> ~~menyebabkan~~ bertakunya pertembungan dengan Tamadun Mesir. Menaklukan ke atas Afrika selatan menyebabkan bertakunya pertembungan dengan tamadun Rom. Islam juga menghantar pasukan peneroka ke Gibraltar, Sepanyol. Sepanyol menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama dan lahirlah golongan yang mengamalkan budaya Islam iaitu Mozarab. Ahli fikir Islam dan ahli fikir bukan Islam telah mengadakan perbincangan mengenai ilmu-ilmu di negara Eropah.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan fakta yang tepat berkaitan cara pertembungan antara tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia. Calon dapat mengemukakan cara berlakunya pertembungan iaitu melalui perdagangan dan penaklukan beserta huraian dan contoh.

Pertembungan Tamadun Islam dengan tamadun lain melalui beberapa  
cara. Antaranya ialah melalui pertembungan kuasa pada zaman khulafah  
ar-Rashidah. Selain itu, pertembungan tamadun juga melalui peraklukan  
tanah jajahan seperti pempukatan kota Romis dan Paris, hubungan  
diplomatik juga menjadi punca pertembungan.

Calon berprestasi sederhana masih dapat mengemukakan fakta yang tepat cara pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain di dunia tetapi isi tidak mencukupi. Calon berjaya mengemukakan isi iaitu perluasan kuasa dan hubungan diplomatik tanpa memberikan huraian.

Soalagian B (Soalan 5)

a) Cara pertembungan tamadun Islam dan tamadun lain ialah  
perdagangan. Selain itu, melalui akhlak perdagangan. Dari segi  
faktor politik, sosial dan ekonomi juga merupakan cara  
pertembungan antara tamadun. Seterusnya, peranan hubungan  
mengembangkan dakwah. Di samping itu, rangka kesusastraan, seterusnya  
amalan perundangan setiap tamadun.

Calon berprestasi rendah mengemukakan jawapan tanpa huraian. Calon hanya mengemukakan faktor perdagangan sahaja tanpa huraian. Jawapan yang lain terpesong daripada kehendak tugas.

SOALAN 5b

(b) Jelaskan kesan pertembungan tamadun tersebut.

Tugasan meminta calon menjelaskan kesan daripada pertembungan tamadun Islam dengan tamadun-tamadun lain di dunia.

b) Kesan daripada pertembungan tamadun tersebut adalah agama Islam tersebar luas. Terdapat penganut agama Islam di Etna dan Sepanyol. (Islam semakin bertambah). (Islam menguasai politik dan ekonomi. Amalan dan budaya Islam dipraktikkan dalam kehidupan seperti ~~maka~~ memakai tudung, pengharusan ~~skap~~ <sup>skap</sup> saling tolong-memolong, ziarah-menziarah

dan bersopan-santun. Amalan riba dan ~~pendas~~ perindosan dalam ekonomi juga tidak berlaku. Kerajaan Uthmaniyyah membina ~~Armada~~ Armada laut bagi menguasai keselamatan para pedagang. Islam berkembang pesat di kawasan Laut Merah. Islam juga menjaga keselamatan, keselamatan para pedagang. Islam bertapak menjadi pusat perdagangan dan pemerintahan yang hebat. Pertukaran ilmu antara tamadun. Keamatan penterjemahan. Kitab-kitab bahasa asing dilakukan. Islam menguasai bahasa asing seperti sanskrit. Islam menguasai pentadbiran ~~set~~ <sup>sesetengah</sup> kawasan. Penganut agama Islam semakin bertambah.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan kesan pertembungan tamadun Islam dalam pelbagai aspek. Calon dapat memberikan pelbagai kesan akibat daripada pertembungan tersebut. Antaranya agama Islam tersebar luas, penganut bertambah, budaya Islam dipraktikkan dan lain-lain. Jawapan calon disertakan dengan huraian yang lengkap beserta contoh yang relevan.

Kesan pertembungan tamadun Islam ialah ~~tersebar~~ ajaran Islam ke serata dunia. Kesannya juga ialah pembukaan wilayah Islam yang baru. Selain itu, lebih ramai umat Islam di dunia ini akibat daripada pembukaan wilayah Islam. Pengamatan ~~beraya~~ dan adab dalam Islam juga diamalkan di seluruh dunia. Akhir sekali, agama Islam diamalkan di ~~sekitar~~ negara di dunia.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu memberi sebahagian kesan pertembungan tamadun Islam dengan tamadun lain. Calon hanya mengemukakan beberapa kesan seperti agama Islam tersebar luas, pembukaan wilayah baharu dan pengamalan budaya Islam. Kesemua isi tersebut tidak diuraikan secara sewajarnya.

b) Kesan pertembungan tamadun ialah Islam tersebar ke seluruh dunia. Islam berjaya menyatupadukan umat Islam di dunia. Budaya tamadun bertukar antara satu sama lain.

Calon berprestasi lemah tidak memenuhi kehendak tugas. Kesan yang dikemukakan oleh calon ialah Islam tersebar ke seluruh dunia.

5.c.

(c) Pertembungan pelbagai tamadun juga berlaku di Malaysia.

Jelaskan kesan pertembungan pelbagai tamadun tersebut terhadap negara dan bangsa Malaysia.

Tugasan meminta calon menjelaskan kesan pertembungan pelbagai tamadun terhadap negara dan bangsa Malaysia.

c) Kesan pertembungan pelbagai tamadun terhadap Malaysia adalah Baitulmal dibina sewaktu zaman Kesultanan Melayu Melaka. Jawatan sultan diperkenalkan. Gelaran sultan diambil dari Islam. Nama negeri dan sultan juga mempunyai unsur-unsur Islam. Undang-undang syariah diamalkan di Malaysia. Kegiatan ekonomi berasaskan undang-undang Islam. Amalan riba diharamkan dan penindasan tidak dibenarkan. Baitulmal <sup>menguruskan</sup> menjadi ~~merajaga~~ kewangan negara. Dari segi sosial, bangsa Malaysia dirapatkan dengan nilai-nilai seperti bersopan-santun, ~~pa~~ pakaian yang menutup aurat. Rakyat harus saling tolong-menolong. Golongan yang muda perlu menghormati golongan yang lebih tua. Amalan ziarah - menziarahi wujud. Gelaran Zillullah ~~fit~~ Alan dan Zillullah ~~fit~~ ardh ~~dianggap~~ digunakan. Terdapat gelaran Khalifatul Mukminin di dalam pemerintahan.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan fakta beserta huraian berdasarkan kehendak tugasan. Calon dapat menjelaskan kesan pertembungan pelbagai tamadun terhadap negara dan bangsa Malaysia secara terperinci. Antaranya ialah kewujudan Baitulmal, jawatan sultan, undang-undang syariah dan lain-lain. Calon mengemukakan huraian yang lengkap dan contoh-contoh yang sesuai.

~~Di Malaysia~~ Di Malaysia juga berlaku pertembungan  
tamadun. Kesannya, budaya dari tamadun lain telah tersebar  
di Malaysia. Pertembungan dengan tamadun Cina telah  
menyebabkan kebanyakan bangunan dan masjid beratap  
seperti bangunan pagoda. Selain itu, pertembungan dengan  
tamadun Cina menyebabkan budaya Baba dan Nyonya. Selain Cina,  
Pertembungan dengan Tamadun India menyebabkan penggunaan konsep  
raja berkerasa ~~sebelum~~ sebelum kedatangan Islam. Penggunaan gelaran  
~~raja~~ juga merupakan hasil pertembungan dengan tamadun  
India. Pengamalan ~~agama~~ iaitu hasil pertembungan tamadun  
Yunani.

Calon berprestasi sederhana mengemukakan fakta yang kurang memenuhi kehendak tugas. Calon mengemukakan kesan pertembungan tamadun di Malaysia seperti bangunan dipengaruhi seni bina tamadun luar, kewujudan masyarakat Baba dan Nyonya. Calon tidak menghuraikan jawapan secara sesuai.

Kesan pertembungan pelbagai tamadun terhadap negara  
dan bangsa Malaysia ialah ~~sejauh~~ pengamalan sistem Raja  
Berkelembagaan di Malaysia. Selain itu, raja juga Sultan juga  
Yang Di Pertuan Agung ditantik menjadi pemerintah negara.  
Selain itu, agama Islam ~~ditetapkan~~ agama utama di Malaysia  
~~dan~~ Yang Di Pertuan Agung ditantik dibantu oleh perdana menteri  
dan ~~men~~ menteri-menteri lain dalam menguruskan pentadbiran.  
Pentadbiran ~~juara~~ menjadi lebih sistematik.

Calon berprestasi rendah mengemukakan fakta yang tidak mencukupi seperti kehendak tugas. Calon hanya dapat mengemukakan satu kesan sahaja iaitu kewujudan sistem Raja Berperlembagaan. Calon menghuraikan pelaksanaan sistem Raja Berperlembagaan dengan panjang lebar.

## Soalan 6

6 Revolusi Pertanian telah berlaku di Britain pada akhir kurun ke-17.

(a) Terangkan faktor yang mencetuskan revolusi tersebut.

6a.

Tugasan meminta calon menerangkan faktor yang mencetuskan Revolusi Pertanian di Britain pada kurun ke- 17.

a) Faktor yang mencetuskan revolusi pertanian adalah peningkatan hasil pertanian yang sangat banyak. Terdapat pelbagai ciptaan alat yang baru digunakan untuk bidang pertanian seperti mesin membajak dan penggali lubang. Mesin penggali lubang telah memudahkan para petani banyak lubang yang boleh digali dalam satu masa yang singkat. Sistem tanaman yang bergilir turut dilakukan di Britain menyebabkan tidak ada tanah yang ditinggalkan kosong. Muncul sistem penilikan tanah yang baru. Akta pemagaran tanah telah membenarkan pemilik tanah melakukan kegiatan pertanian secara besar-besaran. Harga gandum yang meningkat telah menaikkan lagi bidang pertanian. Pemodal juga telah banyak melabur untuk memperkatakan lagi aktiviti pertanian. Hasil-hasil pertanian ini telah mendapat permintaan yang tinggi dan seluruh dunia Britain telah memasarkan hasil pertaniannya kepada di peringkat eksport antarabangsa ke seluruh negara.

Calon berprestasi tinggi berjaya menyenaraikan fakta beserta huraian dan contoh yang jelas tentang faktor yang mencetuskan Revolusi Pertanian. Calon dapat mengemukakan sebab-sebab berlakunya Revolusi Pertanian. Usaha yang dikemukakan oleh calon ialah berbaik dengan negara lain dan membantu negara lain.

a). Faktor Revolusi Pertanian adalah kerana galakan pemerintah ketika itu. Selain itu, permintaan terhadap hasil pertanian semakin meningkat. Hasil pertanian dijadikan makanan ~~untuk~~ pekerja perindustrian. Tambahan pula, lebih hasil pertanian akan didagangkan. Selain itu, ia disokong oleh sistem pertanian ~~yang~~ cara bergilir. Tambahan pula, penciptaan alat ~~kerja~~ pembajaan ~~tebuh~~ Tull! Penyisir tanah turut dicipta ketika itu. Penciptaan mesin pemisah biji kapas turut dicipta oleh Eli Whitney.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu memberi sebahagian daripada sebab yang diminta oleh tugas. Sebab yang dikemukakan oleh calon kadang kala tidak diikuti oleh huraian.

Faktor-faktor yang mencetuskan revolusi pertanian di Britain ialah tidak mempunyai kedudukan yang strategik, selain itu, kesuburan tanah yang tidak mencukupi dan keturangan tenaga pekerja dalam aktiviti pertanian.

Begitu juga dengan tentangan daripada pembesar dan cutai yang ditenakan adalah besar. Di samping itu, ~~ketaw~~ keturangan pekerja untuk mengawalakan aktiviti pertanian tersebut dan kurangnya galakan daripada pemerintah.

Calon berprestasi rendah mengemukakan sebab yang tidak menepati kehendak tugas dan kadang kala bersifat umum.

(b) Jelaskan kesan revolusi tersebut.

6b.

Tugasan meminta calon menjelaskan kesan revolusi.

b) Kesan revolusi pertanian telah membawa kepada  
revolusi perindustrian oleh disebabkan ~~revolusi~~ revolusi  
pertanian mendapat untung yang banyak pemodal sanggup  
mengambil ~~risiko~~ risiko untuk melabur dalam  
bidang perindustrian. Banyak kilang yang dibina di  
Britain. Perusahaan menyetin nenas telah dipatankan  
Petani dan peladang telah bertukar menjadi pekerja  
kilang. Banyak atatan dan teknologi yang baru telah  
dibina seperti mesin pemintal benang, mesin berkuasa  
wap. Hasil wang yang diperolehi oleh ~~perolus~~ pertanian telah  
banyak ~~dise~~ digunakan untuk memajukan industri  
perindustrian. Sistem pengangkutan juga juga telah  
dinilai taraf. Landasan kereta api telah dibina dan  
rel landasan telah ditukar kepada rel besi. Pemilik  
ladang telah menjadi pengusaha kilang. Rakyat  
di kawasan pedalaman telah berpindah dan bekerja  
di bandar.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan fakta berdasarkan kehendak tugas.

(d) Kesan revolusi tersebut ialah Britain tidak mengalami masalah kekurangan bahan mentah. Tidak perlu mengimport hasil pertanian dari negara lain (hasil pertanian di eksport ke negara lain). Jumlah pendapatan bertambah kerana peningkatan di Britain hasil akibat hasil pertanian lebih berkecuali.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu memberi sebahagian daripada sebab yang diminta oleh tugas. Sebahagian jawapan calon tidak berkaitan.

(b) Kesan revolusi tersebut ialah mengklasifikasikan tanaman yang berpendapatan tinggi untuk mengijazahkan tanah pertanian yang seperti kita hendakkan, tanpa merasakan satu daripada mereka.

12492-98

Calon berprestasi rendah menyalin soalan dan mengemukakan fakta dalam bentuk 'point'.

SOALAN

6c.

(c) Bagaimanakah bidang pertanian di negara kita dapat dimajukan?

Tugas meminta calon menyatakan cara bidang pertanian di negara kita dapat dimajukan.

c). Bidang pertanian di negara kita dapat dimajukan dengan pemberian subsidi baja bagi petani. Selain itu, pengusaha pertanian dibenarkan untuk memasrahkan hasil pertanian mereka sendiri sementara itu, suntikan dana juga perlu diberikan agar dapat membantu petani yang memerlukan. Selain itu, tanah-tanah yang tidak diusahakan harus diteronakan menjadi kawasan pertanian. Tambahan pula, ~~menyusunkan~~ ~~kempen~~ kempen pertanian satu perniagaan. Selain itu, jadikan pertanian sebagai sumber ekonomi ~~terpenting~~ ~~negara~~ negara. Selain itu, mengadakan kempen bertani dalam kalangan rakyat ~~di~~ Malaysia.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan pandangan yang tepat berkaitan kehendak tugas.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu memberi sebahagian daripada bukti yang diminta oleh tugas.

(c) Bidang pertanian di negara kita dapat dimajukan dengan subsidi ~~yang~~ <sup>magrokat</sup> yang berbilang kaum, untuk mengesetujui dengan bidang pertanian di seluruh Malaysia kita, banyar sumbangan yang dapat daripada luar, untuk melaksanakan projek pertanian di Malaysia.

Calon berprestasi rendah jawapan terpesong.

## Soalan 7

7 Perjuangan menentang penjajah British telah dilakukan oleh pemimpin tempatan sejak abad ke-19.

(a) Terangkan faktor penentangan tersebut.

Tugasan meminta calon menerangkan faktor perjuangan menentang penjajah British oleh pemimpin tempatan sejak abad ke-19.

(a) Faktor penentangan pemimpin tempatan terhadap penjajahan British ialah pengendali sistem cukai yang tinggi. Sistem ini menyebabkan pembesar tempatan dan penduduk tempatan. Seterusnya, pencabutan bidai rasam British telah menghapuskan sistem tamba pemimpin tempatan.

Selain itu, penentangan pemimpin tempatan berpunca daripada pengambilan kuasa mengutip cukai. British telah menyalurkan sistem cukai penduduk tempatan ke dalam pentadbiran British. Antara pemimpin yang menentang ialah Dato' Bakhman. Seterusnya, pembinaan balai polis di atas kawasan pemimpin tempatan tanpa kebenaran Dato' Maharaja Uda telah menentang atas sikap British tersebut.

Jambatan itu, tampuk pimpinan negeri jatuh ke tangan British. kuasa raja dan sultan dihapuskan. Sultan dan raja hanya berkuasa dari aspek agama dan adat. Seterusnya, pencabutan hak tanah. Selain itu, pengambilalihan kawasan. Sebagai contoh, kawasan Remap diambil. Remap dan kaumnya ditidau kerana dianggap mun.



## SOALAN 7b

(b) Berjayakah pemimpin tempatan pada abad ke-19 menentang penjajah British?

Kemukakan alasan anda.

Tugasan meminta calon mengemukakan alasan samada penentangan pemimpin tempatan terhadap penjajah British pada abad ke-19 berjaya atau tidak.

Setelah berjuang untuk menyingkir British, namun mereka telah tertewas dan tidak berjaya. Linggir berjuang dengan cara menyerang kapal penjajah British, akhirnya berjaya juga ditewaskan oleh British. Manakala orang Iban, setelah berjuang untuk mempertahankan wilayah tempatan mereka, mereka telah tewas selepas rumah mereka dibakar dan diterangi di bukit Sadak. Bagi Sharif Marahor dan Sasa Patinggi, setelah berjuang mereka tidak dapat mengalahkan British. Malahan Sharif Marahor melarikan diri ke Brunei tetapi telah ditangkap dan diserahkan kepada orang British di Singapura. Dato Patinggi pula tertangkap setelah melarikan diri ke Betawi. Akhirnya, mereka berdua telah ditewas. Oleh itu, kesemua pemimpin tidak berjaya menentang penjajah British.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan alasan dan bukti berdasarkan pendirian yang diambil iaitu pemimpin tempatan tidak berjaya menentang penjajah British.

(b) Pemimpin tempatan pada abad ke-19 tidak berjaya dalam menentang penjajah British. British menggunakan nama Sultan untuk mengalahkan ~~penentang~~ pemimpin tempatan yang menentang British. British mempunyai senjata yang moden. British mempunyai ~~peng-angkatan~~ tentera yang lebih besar berbanding dengan pemimpin tempatan. British amat berkuasa. British mempunyai banyak tanah jajahan. British menggunakan ketegasan dalam menyelesaikan masalah penentangan pemimpin tempatan. Pemimpin tempatan seperti Tok Janggut telah dihukum mati disebabkan pembangkangan beliau. British ~~mempunyai~~ mempunyai strategi yang lengkap apabila berperang dengan pemimpin tempatan. Masyarakat tempatan tidak bersatu padu dalam menentang British.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu memberi sebahagian daripada sebab yang diminta oleh tugasan.

(b) Pada pendapat saya, usaha penentangan pemimpin tempatan tidak berjaya kerana kelemahan kepimpinan di Tanah Melayu. Para pemberar juga tidak bersatu padu untuk <sup>7-6</sup> menentang penjajahan British di Tanah Melayu. Rakyat di Tanah Melayu ~~juga~~ tidak bersatu padu dan tidak mempunyai semangat untuk menentang penjajahan British. Selain itu, Tanah Melayu juga tidak mempunyai kekuatan pengaruh yang kuat dengan kuasa-kuasa besar negara luar. Oleh itu, Tanah Melayu tidak dapat meminta pertolongan daripada negara luar untuk mengusir British di Tanah Melayu.

Calon berprestasi rendah tidak dapat memberikan alasan kejayaan atau kegagalan pemimpin tempatan menentang penjajah British.

### SOALAN 7c.

- (c) Mengapakah semangat perjuangan pemimpin silam di negara kita wajar dicontohi?

Tugasan meminta calon mengemukakan sebab semangat perjuangan pemimpin silam di negara kita wajar dicontohi.

(c) Pemimpin silam mempunyai semangat patriotik yang tinggi. ~~Kita~~ Kita harus mencontohi semangat patriotik pemimpin silam agar negara kita sentiasa selamat daripada dijajah oleh kuasa lain. Kita harus mencontohi sikap taat setia kepada negara pemimpin silam supaya negara kita sentiasa aman dan damai. Kita harus mencontohi semangat perjuangan pemimpin silam <sup>yang rajin</sup> supaya kita akan rajin memajukan ~~ekonomi~~ negara. Kita harus mencontohi semangat perjuangan pemimpin silam yang cinta akan negara supaya negara kita sentiasa sejahtera dan ~~kemerde~~ ~~kemerdekaan~~ negara dipelihara dan kekal. Kita akan gigih berusaha untuk menyelesaikan krisis dan masalah yang timbul di negara. Kita akan sanggup berkorban untuk mempertahankan kedaulatan negara. Kita akan sabar dan bersikap ~~rajin~~ <sup>teheran</sup> terhadap kita ada semangat kebenaran untuk ~~mengajukan~~ ~~memberi~~ cadangan tentang kebijakan rakyat kita.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan fakta beserta huraian dan menepati kehendak tugasan.

c) Semangat perjuangan pemimpin alam di negara kita wajar dicontohi kerana mereka sanggup berkorban untuk mempertahankan tanah air daripada ancaman luar contohnya, Tok Janggut telah dibunuh dengan kejam dan mayatnya diarak ke sekeliling pekan dan digantung dalam keadaan ronggeng.

Selain itu, mereka juga berani menentang hak dan berusaha untuk memerdekakan Tanah Melayu. Contohnya, Tunku Abdul Rahman telah berbilang kali ke England semata-mata untuk mendapatkan kemerdekaan daripada pihak British di sana.

Selainnya, mereka juga mempunyai semangat patriotisme yang tinggi kerana mereka ramai di kalangan mereka terkorban akibat keran daripada tindakan mereka untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah. Contohnya, Rori Dhoi telah terbunuh akibat berjuang menentang penjajahan British di Sarawak. Beliau bertindak demikian kerana beliau mempunyai perasaan patriotisme yang tinggi terhadap Tanah Melayu dan Sarawak.

Calon berprestasi sederhana, jawapan mereka kurang menepati kehendak tugas.

(c, Semangat perjuangan pemimpin silam di negara kita wajar dicontohi kerana pemimpin silam tidak kacau rakyat negara kita. Pemimpin silam juga menolong rakyat negara kita menjadi orang yang pemimpin.

Calon berprestasi rendah pula, jawapan calon kurang menepati kehendak tugas dan menyalin semula soalan.

## Soalan 8

8 (a) Jelaskan usaha-usaha ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Tugasan meminta calon menjelaskan usaha-usaha pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

8a) Usaha-usaha ke arah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 termasuklah penentangan orang raja dan orang Melayu terhadap Malayan Union. ~~menyuarakan suara bantahan~~ Akhbar-Akhbar penentangan Malayan Union secara terbuka. Persatuan-persatuan telah dihidupkan dan mereka menghantar surat bantahan ke melalui telegraf ke pejabat tanah jagahan di London. Orang Melayu ~~berdebat~~ untuk menentang Malayan Union. ~~Kongres~~ Dato' Onn Jaafar menubuhkan kongres Melayu dan ~~men~~ mencadangkan penubuhan U.M.U sebagai benteng menentang Malayan Union. Kongres Melayu yang bertajuk pertama diadakan dengan ~~telah ditubuhkan oleh~~ ~~11~~ wakil persatuan telah ~~bersejajar~~ menubuhkan U.M.U untuk menentang Malayan Union. Kongres Melayu yang kedua diadakan untuk membatalkan ~~pengisytiharan~~ penubuhan Malayan Union. Rapat umum telah diadakan oleh raja-raja Melayu untuk menentang Malayan Union semasa lawatan parlimen British ketegasan orang Melayu menentang Malayan Union telah menyebabkan British berubah sikap untuk menubuhkan ~~per~~ Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Calon berprestasi tinggi dapat menyusun peristiwa pembentukan PTM 1948 secara kronologi. Iaitu bermula daripada bantahan orang Melayu menentang cadangan Malayan Union dan berakhir dengan peristiwa menandatangani PTM 1948 pada 21 Januari 1948.

Antara usahanya ialah penentangan terhadap Malayan Union. Orang Melayu telah bersatu-padu mengadakan rapat dan <sup>UMNO</sup> bantahan terhadap Malayan Union. Bantahan dan kritikan disiarkan dalam pelbagai jenis akhbar. Rakyat memohon para pembesar dan Raja Melayu supaya tidak mengiktiraf Malayan Union.

Selain itu, kongres telah diadakan sebanyak dua kali pada Mac 1944 dan Mei 1946. Kongres telah dihadiri oleh pelbagai persatuan negeri dari seluruh negara. Kongres ini telah membawa kepada penubuhan UMNO.

Selain itu, orang Melayu mendapat sokongan daripada pegawai British dan bekas pegawai British yang berkhidmat di Tanah Melayu seperti Sir Cecil Clementi, Sir Frank Swettenham dan R.O Winstedt.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu mengemukakan sebahagian sahaja daripada isi yang dipinta dan bercampur dengan isi yang tidak berkaitan.

usaha-usaha ke arah pembentukan ~~persekutuan~~ Persekutuan Tanah Melayu ~~yang~~ bermula daripada Pakatan Murni. Usaha sama antara pihak UMNO dan <sup>MEA</sup> ~~LLC~~ yang menganggotai Committee Liaison Committee atau CLL atau Jawatankuasa Hubungan Antara kaum mencetuskan ~~ke~~ usaha ke arah Persekutuan Tanah Melayu. Dalam perundingan antara UMNO dan CLL, hak istimewa orang Melayu menjadi diabaikan. Selain itu, pembukaan atau pengendalian RDA untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk Melayu. Setelah selepas itu, Tun Hussein Dato on Jaafar ingin membuka keahlian dalam UMNO kepada orang bukan Melayu tetapi ditentang oleh rakyat orang Melayu. Kemudiannya, beliaulah yang ingin menyatukan perpaduan kaum ~~antara~~ dengan ~~menumbukkan~~ menubuhkan Parti Kemerdekaan tetapi tidak mendapat sambutan kerana ~~ke~~ perpaduan sangat asing bagi ~~di~~ dalam mata orang Melayu. ~~Di~~ di samping itu, kerjasama antara UMNO-~~et~~ <sup>ME</sup> untuk menyertai pilihan raya membolehkan sah hari. Dalam pilihan raya Maghrib pilihan raya bendera, UMNO-MEA memenangi sembilan daripada dua belas buah kerusi. Setelah selepas itu, mereka menyertai pilihan raya di bandar utama dan memenangi 24 daripada 37 buah kerusi di peringkat negeri. ~~Ke~~ <sup>dan disertai oleh MIC</sup> ~~perkembangan~~ perkembangan UMNO-MEA atau diwakili sebagai parti Penkantar telah memenangi sebanyak 228 daripada 268 kerusi dengan manifesto mereka yang ingin mencapai kemerdekaan dalam masa empat tahun, ~~me~~ menajutkan peralihan, ~~me~~ juga mengemukakan hak orang Melayu serta mengutamakan kedudukan orang Melayu. Akhirnya usaha ~~ini~~ ini membolehkan lahir sebuah kabinet ditubuhkan dan Tunku Abdul Rahman menjadi ~~ke~~ <sup>menjadi</sup> ~~menteri~~ <sup>ketua menteri</sup>.

Calon berprestasi rendah gagal mengemukakan usaha ke arah pembentukan PTM 1948.

(b) Mengapakah orang Melayu menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948? [6 markah]

8b.

Tugasan meminta calon mengemukakan sebab orang Melayu menerima Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948

Sebab orang Melayu menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948, kerana menjamin hak orang Melayu melindungi hak raja-raja berpelembagaan. Agama Islam sebagai agama rasmi. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Melatih penduduk Melayu. Pendidikan sendiri. Sebagai langkah memulakan pentadbiran. Kepentingan orang Melayu dilindungi.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan sebab orang Melayu bersetuju dengan PTM 1948. Antaranya ialah syarat kerakyatan diperketat, kerakyatan *jus soli* dimansuh, agama Islam terpelihara, hak istimewa orang Melayu terbela dan sebagainya.

(b) Orang Melayu menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu kerana kedudukan orang Melayu terhadap kedudukan Melayu tidak akan diganggu oleh bangsa atau kaum lain. Seterusnya, ~~sultan dan~~ kuasa sultan dan pembesar sera rata & tidak dicabul.

Seterusnya, hak orang Melayu tidak diganggu. Malah, bantuan akan diberikan kepada ~~orang~~ orang Melayu. Seterusnya, masalah orang Melayu tidak dicampur aduk oleh pemerintah British. Seterusnya, orang Melayu mampu dan diberi peluang untuk menadbik negara. Orang Melayu juga diberi kebebasan untuk melakukan aktiviti di tanah Melayu. Malah, orang Melayu akan berada dibawah pimpinan sultan.

Calon berprestasi sederhana hanya dapat mengemukakan sebahagian sahaja isi.

Orang Melayu menerima pembentukan Persekutuan Tanah Melayu ~~iala~~ kerana mereka ingin kemerdekaan. Mereka ingin membebaskan daripada penjajahan kuasa barat.

Calon berprestasi rendah gagal mengemukakan isi dengan tepat

8c.

- (c) Jelaskan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia.

Tugasan meminta calon menjelaskan kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dalam pembinaan negara dan bangsa Malaysia.

kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 ialah memberi peluang untuk mendapatkan kemerdekaan. Melahirkan tokoh-tokoh terbilang negara. Mewujudkan bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum. Melatih pegawai tempatan untuk mentadbir kerajaan Melayu sebagai bangsa kebangsaan. Hak Raja-Raja Melayu dilindungi. Agama Islam sebagai agama rasmi. Perpaduan kaum dapat di capai.

Calon berprestasi tinggi dapat menyatakan kepentingan PTM 1948. Antaranya menjadi asas pentadbiran negara, asas kontrak sosial antara British dengan Raja-Raja Melayu, asas perlembagaan negara, asas kemerdekaan negara dan lain-lain lagi.

Antara kepentingan Persekutuan Tanah Melayu ialah dapat menjadi panduan kepada negara untuk mentadbir negara ini dengan penuh sistematik. PTM telah menyediakan dasar-dasarnya yang tersendiri tentang cara untuk menguruskan hal-hwal negara. PTM juga telah membantu negara untuk terus maju ke selanjutnya dapat bersaing dengan kuasa-kuasa besar. Tambahan pula negara juga dapat berpanduan PTM untuk memulakan proses-proses ke arah memulakan pentadbiran. Selanjutnya, dengan adanya PTM, rakyat-rakyat di negara ini dapat mengetahui hak-hak mereka sebagai warganegara di negara ini. Mereka juga berhak memberi pandangan yang berguna untuk memajukan negara. Bagi warganegara yang baru sahaja mendaftar, mereka boleh menjadikan Persekutuan Tanah Melayu ini sebagai rutan untuk memulakan kehidupan mereka di negara ini - selain itu, bangsa-bangsa juga dapat mengetahui peranan dan kepentingan mereka di dalam PTM. Akhir sekali, rakyat dapat mengenal pasti kedudukan, Raja sebagai pemerintah, sama lila. ~~itu~~ agema Resmi dan bahasa Melayu sbg bahasa kebangsaan.

Calon berprestasi sederhana hanya mampu mengemukakan sebahagian isi.

Kepentingan Persekutuan Tanah Melayu 1948 (PTM) dalam pembinaan negara dan bahasa Malaysia ialah menjamin ~~ke~~kedaulatan negara. seterusnya, PTM 1948 dapat mewujudkan ~~perpaduan~~ perpaduan kaum selain itu, ~~PTM~~ PTM 1948 akan meningkatkan ekonomi negara. PTM 1948 juga membebaskan negara dari ~~rasa~~ komunis. ~~PTM~~ Tambahan lagi PTM 1948 penting dalam menyupuk semangat kerjasama. Di samping itu, PTM 1948 <sup>menjamin dalam</sup> ~~memastikan~~ pembangunan negara.

Calon berprestasi rendah mengemukakan jawapan tetapi tiada isi.

### Soalan 9

- 9 (a) Sejak Perang Dunia Pertama pada tahun 1914, beberapa siri peperangan telah berlaku di banyak tempat di dunia ini.

Terangkan sebab berlakunya peperangan tersebut.

Tugasan meminta calon menerangkan sebab berlakunya perang di dunia sejak tahun 1914.

1) Antara sebab berlakunya Perang Dunia Pertama ialah faktor politik dan ekonomi. Faktor politik berlaku apabila kuasa-kuasa besar Barat seperti Britain dan Perancis bersaing untuk menunjukkan kedaulatan masing-masing. (Negara-negara ini bersaing untuk meluaskan jajahan tetapi masing-masing Negara-negara bangsa baru yang telah terbentuk seperti Jerman dan Itali telah menyaingi kuasa-kuasa besar lain). Antara kuasa yang terbentuk ialah Pakatan Tiga yang dianggotai Britain, Perancis dan Russia. Kuasa yang juga dibentuk merangkumi Jerman dan Austria-Hungary. Bagi faktor ekonomi pula, peperangan berlaku untuk mendapatkan bekalan bahan mentah serta pasaran yang luas juga diperlukan untuk memasarkan hasil perindustrian mereka. Selain itu, faktor segera ialah pembunuhan Archduke Franz Ferdinand, iaitu pewaris takhta kerajaan Austria-Hungary oleh prajurit Serbia. Jerman bertindak balas dengan melakukan serangan terhadap Perancis, iaitu sekutu Serbia. Oleh itu, Britain telah melaporkan serangan itu dan meminta bantuan daripada kuasa dunia iaitu Amerika Syarikat. (Walaupun bagaimanapun, Jerman telah bertindak menyerang kedua Amerika Syarikat). Beberapa siri peperangan telah terjadi sejak perang dunia pertama.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan isi yang lebih daripada yang diminta.

(a) Perang Dunia Pertama pada tahun 1914 berlakunya kerana kuasa besar ingin mendapatkan penjajah untuk memajukan ekonomi. Selain itu juga kerana kuasa besar ingin mendapatkan bahan mentah dari negara lain supaya memajukan ekonomi negara mereka. Akhirnya, punca berlaku peperangan tersebut ialah kuasa besar ingin meluaskan tanah air mereka supaya ~~menguatkuasa~~ menguasai negara

Calon berprestasi sederhana mengemukakan sebahagian isi dan bercampur aduk dengan isi yang tidak diperlukan.

Sebab berlakunya peperangan Perang Dunia pertama ialah perebutan hak-hak dari negara lain. Pelerusny, ramai masyarakat yang menginginkan perkara yang tidak diadakan di Malaya. Selain itu, kebanyakan masyarakat lebih mementingkan kepada budaya Barat dan tidak hidup bersama pada di negara sendiri dan mengakibatkan peperangan. Akhir sekali, mereka tidak persekitahuan antara negara lain dan menjadikannya terpengaruh budaya Barat.

Calon berprestasi rendah mengemukakan isi dengan ayat yang sukar difahami.

SOALAN 9b.

(b) Jelaskan kesan sesuatu peperangan.

Tugasan meminta calon menjelaskan kesan selepas perang.

b) Antara kesan sesuatu peperangan ialah kemusnahan harta benda. Banyak harta benda yang musnah dalam peperangan menyebabkan sesebuah negara mengalami ~~kegagalan~~ Ekonomi yang jatuh sukar untuk ~~ditunjukkan~~ semua apabila kewangan sudah habis digunakan untuk membiayai peperangan. Banyak negara yang mengalami masalah kewangan akibat peperangan dan terpaksa berhutang dengan negara lain. Peperangan juga menyebabkan masalah inflasi wujud ~~menyebabkan~~ kuasa beli rakyat ~~menjadi~~ berkurang. Hal ini kerana, apabila bertakung peperangan, barangan daripada luar tidak dapat diimport ke dalam negara. Akibatnya, rakyat tidak mempunyai bekalan bahan makanan walaupun mereka mempunyai wang. Selain itu, peperangan juga memberi kesan dari segi sosial. Hal ini bermakna, kehidupan rakyat di negara tersebut ~~adalah~~ <sup>adalah</sup> buru-hara dan tanpa keamanan. Mereka ~~diancam~~ ~~ditakutkan~~ kerana keselamatan mereka tidak terjamin. Peperangan juga menyebabkan banyak ~~korban~~ jiwa. Ramai rakyat tidak bersalah turut terbunuh apabila peperangan meletus. Apabila peperangan berlaku, ~~peperangan~~ yang berjangkit mudah merebak kerana tidak kemudahan perubahan yang lengkap. Akhirnya, peperangan menyebabkan masalah ~~penga~~ ~~perungguran~~ dalam kalangan rakyat. Mereka tidak punya pendapatan kerana banyak hilang-kilang telah ~~menjadi~~ akibat peperangan.

Calon berprestasi tinggi berupaya mengemukakan isi lebih daripada yang diminta oleh tugasan.

Kesan peperangan tersebut masyarakat tersebut teruk: - ramai  
tan menyebabkan ramai masyarakat yang kehilangan anggota keluarga.  
Beterusnya, negara meraka juga kekurangan penduduk akibat daripada peperangan.  
Akhir sekali, masyarakat ramai kehilangan tidak seperhamian dan  
menjadikan negara tersebut tidak seperti dahulu.

Calon berprestasi sederhana mengemukakan sebahagian daripada isi yang diminta.

b) Kesan sesuatu peperangan ialah <sup>kemusnahan</sup> kerosakan harta benda penduduk dan  
bangunan yang dicipta atau <sup>Pengangkutan</sup> pengangkutan, contohnya, kemusnahan bandar  
Hiroshima Jepun dan Pearl Harbour.

Calon berprestasi rendah hanya mengemukakan satu isi sahaja.

SOALAN 9c.

- (c) Andaikan Malaysia menjadi sebuah kuasa besar dunia dan anda adalah pemimpin Malaysia pada masa tersebut, jelaskan usaha yang anda akan lakukan untuk memastikan keamanan dunia berkekalan.

Tugasan meminta calon menjelaskan usaha untuk memastikan keamanan dunia berkekalan seandainya Malaysia menjadi sebuah kuasa besar dunia dan calon tersebut menjadi pemimpin Malaysia pada masa itu.

c) Seandainya saya adalah pemimpin Malaysia semasa Malaysia menjadi sebuah kuasa besar dunia, saya akan melakukan beberapa usaha untuk memastikan keamanan dunia bertekad. Antaranya saya akan <sup>mengusahakan satu parti</sup> ~~menubuhkan~~ <sup>suatu</sup> perubahan yang bertanggungjawab memelihara keamanan dunia secepat. Perubahan ini akan dianggotai oleh wakil setiap negara di dunia tanpa ada pengecualian ~~keterusnya~~. Saya akan <sup>mengusulkan</sup> ~~menubuhkan~~ persidangan antarabangsa diadakan sekurang-kurangnya 2 bulan sekali supaya keadaan rat semua negara diberi perhatian setiap masa. Selain itu juga, sebagai ~~kuasa~~ kuasa besar dunia dan ~~berkuasa~~ dengan beberapa kuasa dunia yang lain, saya akan menyatakan pendirian yang tegas tidak akan mengizinkan sebarang bentuk peperangan termasuklah perang dingin.

Di samping itu juga, sebagai kuasa besar dunia, saya akan menyatakan pendirian tidak mengizinkan mana-mana <sup>negara</sup> ~~perbuatan~~ untuk memisahkan ~~satu atau tanpa~~ ~~keadilan~~ kepada semua ~~sebarang~~ tindakan yang menindas, saya akan melaporkan kepada ~~adanya~~ dunia untuk diambil tindakan ke atas negara tersebut. Saya sebagai pemimpin Malaysia akan menghutarkan ~~keadilan~~ tentamannya bekalan hidup kepada negara-negara yang mengalami masalah kemiskinan. Saya juga akan bertindak menghantar pasukan ~~perdana~~ ke negara-negara bergolak contohnya mengawal sempadan negara bertentangan dan pada ~~alicerobak~~.

Calon berprestasi tinggi dapat mengemukakan isi dengan baik.

1) Sekiranya saya sebagai pemimpin Malaysia yang sudah menjadi sebuah kuasa besar dunia, saya akan mengatur beberapa usaha untuk memastikan keamanan dunia bertekalan. Antaranya ialah saya akan ~~menubuat~~ menjalinkan hubungan yang baik kepada negara-negara lain.

(Seterusnya, saya akan membantu negara-negara yang berada dalam kesusahan seperti Palestin dan Afrika. Tambahkan lagi, saya akan memastikan rakyat jelata saya mengamalkan nilai-nilai murni agar tidak membuat kekejaman dalam negara ~~diri~~ sendiri mahupun di negara lain. Sekiranya berlaku perselisihan faham antara Malaysia ~~dan~~ dengan negara lain, saya tidak akan membuat keputusan secara terburu-buru, sebaliknya mengadakan perdamaran.

Calon berprestasi sederhana mengemukakan sebahagian daripada isi yang diminta.

(b) Kesra revolusi tersebut ialah mengasirkan tindakan yang berpersepontan tinggi untuk melindungi tanah pertanian yang seperti kita hendakkan, tanpa merasakan sebarang daripadanya.

Calon berprestasi rendah hanya mengemukakan satu isi sahaja.

## **SARANAN KEPADA CALON**

- a) Perlu mempelajari kesemua tema yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran.
- b) Calon bolehlah meneliti dan mengutamakan tajuk tertentu secara khusus supaya mereka dapat menguasai fakta penting dalam tajuk tersebut.
- c) Perlu memperbanyak latihan tubi.
- d) Memperbanyak perbincangan sesama rakan dan membuat latihan serta semak semula jawapan supaya tepat.
- e) Perlu memahami konsep dan istilah yang ada dalam Sukatan Pelajaran.
- f) Mengelak daripada terlalu bergantung kepada soalan ramalan.
- g) Calon perlu meneliti dan memahami semua soalan sebelum memilih soalan yang hendak dijawab.
- h) Calon memilih soalan yang mampu mereka jawab dengan baik dan menyenaraikan isi ringkas sebelum menjawab soalan. Susun isi jawapan supaya tidak berlaku pengulangan isi.

## **SARANAN KEPADA GURU**

- a) Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi keseluruhan tema yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran.
- b) Guru perlu memberikan penekanan tentang penjelasan konsep dan istilah setiap topik.
- c) Pelajar perlu didedahkan cara menjawab yang betul dan tepat. Perlu perbanyakkan latihan
- d) Baiki kelemahan calon dan pertingkatkan prestasi mereka dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik.
- e) Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik.
- f) Sukatan Pelajaran perlu diselesaikan secepat mungkin supaya ulang kaji dan latihan tubi yang berkesan dan bersasaran dapat dilaksanakan.
- g) Guru perlu menekankan kepada teknik menjawab soalan terutama soalan esei.

kerana ramai pelajar yang menjawab dalam bentuk "point".

h) Perbanyakkan latihan soalan berbentuk KBKK.